

Pendidik yang Cemerlang Mencorakkan Pewaris Negara yang Berkualiti: Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat

Noor Arina Md Arifin^{1,*}, Nurulannisa Abdullah, Nik Muhammad Adib Aiman Nik Yahya³, Nur Umira Husna Mat Rawi⁴, Nornisrina Nordin⁵

¹ UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026

² UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0002-5294-9125

³ UiTM Cawangan Kelantan; aemanrahim31@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; mieyrahusna98@gmail.com

⁵ UiTM Cawangan Kelantan; nisrinarina34@gmail.com

* Correspondence: arina848@uitm.edu.my; +60179620049

Abstrak: Kajian ini dijalankan bersama seorang tokoh pendidikan iaitu Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat yang pernah berkhidmat sebagai pengetua sekolah, ketua sektor di Jabatan Negeri Pahang (JPP) dan pengurusan peringkat kementerian selama 32 tahun. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengetahui latar belakang tokoh, cabaran sepanjang perkhidmatan sebagai pendidik dan sumbangan serta pencapaian tokoh dalam dunia pendidikan. Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat pernah menerima penghargaan sebagai guru cemerlang dan Anugerah Kualiti Daerah Maran pada 1992. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai penolong kanan dan pengetua di beberapa sekolah menengah di Maran, Raub dan Pekan serta Pegawai Pelajaran Raub pada 1990 dan Kuantan pada tahun 2008. Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat juga pernah dipilih sebagai Tokoh Kepimpinan Pendidikan Guru peringkat daerah. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat semasa berkhidmat dan sejarah kehidupan dan kerjaya beliau boleh dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang terutamanya warga pendidik. Hasil kajian memaparkan pengalaman, cabaran dan jasa Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat sepanjang beliau bergelar pendidik. Kajian ini dapat memberi gambaran umum kepada pembaca berkenaan persepsi masyarakat terutamanya pendidik dan juga bakal guru yang akan menceburi bidang pendidikan pada masa akan datang.

Kata kunci: Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat, pengetua, Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Tokoh Kepimpinan Guru, Tokoh Guru

DOI: 10.5281/zenodo.10020330



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Tokoh pendidikan merupakan orang yang telah berjasa kepada negara dalam bidang pendidikan yang mana boleh dijadikan contoh kepada generasi pada masa kini dan akan datang. Pendidik bertanggungjawab untuk mendidik dan membangunkan modal insan pelajar di sekolah. Oleh itu, pendidik memainkan peranan penting dan perlu memiliki kemahiran dan keupayaan menjadi seorang yang professional dan pakar dalam bidangnya dalam mencorakkan pewaris negara yang

berkualiti (Zamri & Anita, 2020). Pendidik adalah salah satu figura yang dapat dijadikan contoh dan pembimbing dalam setiap kehidupan masyarakat (Munawir, 2022).

Ramai tokoh-tokoh dalam bidang pendidikan yang banyak berjasa dalam perkembangan bidang pendidikan. Antara tokoh-tokoh yang boleh dijadikan contoh adalah Tan Sri Aminuddin Baki, Prof. Khoo Kay Kim dan lain-lain. Kejayaan yang dicapai dan sumbangan yang dicurahkan boleh dijadikan inspirasi dan motivasi kepada semua lapisan masyarakat. Pengorbanan dan penat lelah mereka dalam mencurahkan bakti membangunkan negara wajar dijadikan iktibar. Masyarakat harus mencontohi tokoh-tokoh berkenaan dalam menyumbang tenaga untuk menajukan pendidikan kepada masyarakat. Tokoh yang ditemubual dalam kajian ini juga merupakan salah seorang tokoh yang banyak menyumbangkan jasa dalam bidang pendidikan sepanjang perkhidmatan beliau iaitu Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat. Pada tahun 2016, Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat telah dipilih sebagai Tokoh Guru Pahang sempena sambutan Hari Guru Peringkat Negeri. Beliau banyak berjasa terutamanya dalam bidang pendidikan.

Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat dilahirkan pada 9 November 1951 di Kg Kemahang Hilir, Benta, Lipis. Beliau merupakan bekas Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Pada tahun 2016, beliau serta Puan Zabedah Osman telah dipilih sebagai Tokoh Guru Pahang. Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat pernah menjadi pengetua sekolah, ketua sektor di Jabatan Pelajaran Negeri Pahang (JPP) dan pengurusan peringkat kementerian selama 32 tahun. Beliau memulakan kerjaya sebagai pendidik selepas memperoleh Diploma Pendidikan (Pengajian Melayu) dari Universiti Kebangsaan Mara (UKM) pada 1 Julai 1976 sebelum mula mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panglima Garang Abdul Samad, Budu, Lipis. Sepanjang tempoh sebagai pendidik, Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat pernah menerima penghargaan sebagai guru cemerlang dan Anugerah Kualiti Daerah Maran pada 1992. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai penolong kanan dan pengetua di beberapa sekoah menengah di Maran, Raub dan Pekan serta Pegawai Pelajaran Raub pada 1999 dan Kuantan (2008). Kajian yang bakal dijalankan adalah berkaitan dengan penglibatan dan jasa beliau dalam bidang pendidikan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pendidikan merupakan satu proses yang mengandungi pelbagai aktiviti yang dirancang khas untuk pembangunan masyarakat. Satu daripada fungsi konservatif pendidikan ialah memupuk, mengekal dan menyalurkan nilai-nilai tradisi kepada masyarakat tetapi pada zaman sekarang tanggapan masyarakat terhadap profesion perguruan hari ini sudah berbeza. Perkembangan dan penggunaan teknologi dalam pengajaran sudah tidak asing lagi yang mana pendidikan pada hari ini menuntut guru atau pendidik untuk lebih peka serta mempertingkatkan lagi kemahiran teknologi yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), iaitu guru sebagai agen dalam membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia (Mohd Aizat & Kamarudin, 2020).

Dalam konteks ini, tokoh pendidikan merupakan orang yang telah banyak berjasa kepada negara dalam bidang pendidikan yang boleh dijadikan contoh kepada generasi masa kini dan masa akan datang. Pencapaian dan sumbangan yang dicurahkan wajar dijadikan aspirasi dan motivasi kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan muda pada masa kini. Pengorbanan dan penat lelah mereka dalam mencurahkan bakti membangunkan negara dan masyarakat setempat terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan wajar dijadikan iktibar dan dihargai oleh setiap rakyat.

Permasalahan kajian menumpukan perhatian kepada pengalaman pencapaian dan sumbangan tokoh Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat, yang menjadi seorang pendidik sebagai Pengarah bahagian Pendidikan Guru di Kementerian Pendidikan yang dipilih sebagai Tokoh Kepimpinan Pendidikan Guru peringkat Daerah Lipis. Ini bagi memberi inspirasi kepada pendidik agar terus bersemangat dan berinovatif dalam mencurahkan ilmu kepada anak bangsa walaupun pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi pada masa kini.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti beberapa perkara sebagaimana berikut:

- 3.1 Untuk mengenalpasti pengalaman, pencapaian dan sumbangan daripada seorang tokoh pendidik yang berjaya.
- 3.2 Untuk menimba ilmu pengetahuan dan motivasi untuk menjadi seorang pendidik yang berjaya.
- 3.3 Untuk memberi inspirasi kepada pendidik agar terus bersemangat dan berinovatif dalam mencurahkan ilmu kepada anak bangsa.
- 3.4 Untuk memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan jasa dan sumbangan pendidik.

4. PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif yang telah dibentuk, terdapat tiga persoalan kajian yang perlu dijawab menerusi kajian ini. Antara persoalan kajian adalah:

- 4.1 Apakah pengalaman, pencapaian dan sumbangan daripada seorang pendidik yang berjaya?
- 4.2 Apakah ilmu pengetahuan dan motivasi untuk menjadi seorang pendidik yang berjaya?
- 4.3 Bagaimana untuk memberi inspirasi kepada pendidik untuk menempuh cabaran dan terus bersemangat?
- 4.4 Bagaimana untuk memberi pendedahan kepada masyarakat untuk menghargai jasa dan sumbangan tokoh pendidikan?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Menerusi kajian yang telah dijalankan mengenai Datuk Wan Mustaman Wan Abdul Hayat, penyelidik telah mengenal pasti beberapa kepentingan kajian tersebut terutamanya kepada organisasi, masyarakat dan negara. Kepentingan dan sumbangan kajian kepada organisasi ialah dapat menambahkan koleksi pengeluaran bagi organisasi seperti thesis sebagai bahan rujukan. Kepentingan dan sumbangan kajian kepada masyarakat ialah dapat melahirkan pelapis pendidik yang cemerlang. Hal ini demikian kerana pendidikan dapat melahirkan golongan cendekiawan sebagai pelapis bagi meneruskan pekerjaan dalam bidang pendidikan. Kepentingan dan sumbangan kajian kepada negara ialah dapat melahirkan masyarakat yang menghargai tokoh-tokoh atau golongan pendidik yang telah menabur bakti dalam usaha bertungkus-lumus mereka demi memberi pendidikan yang sempurna.

Peranan seorang pendidik menjadi semakin mencabar berikutan perkembangan bidang pendidikan yang begitu pesat sekali. Hasil dari kajian ini adalah perkembangan ilmu perguruan mestilah diperluaskan sehingga ke hujung dunia supaya semua golongan masyarakat dapat merasai

nikmat mendapat ilmu dan nikmat memberi ilmu dalam bidang pendidikan demi menjadi pendidik yang berjaya.

6. TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini merupakan satu kajian berkenaan pengalaman, sumbangan dan penglibatan seorang pendidik kepada organisasi, masyarakat, negara dan sebagainya. Penglibatan beliau dalam bidang ini adalah satu pengorbanan yang besar dan perlu dihargai. Kajian di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa peranan utama pengetua sebagai pemimpin sekolah adalah melalui kepimpinan, komunikasi dan sikap. (Barr dan Saltmarsh, 2014). Menurut (Kelchtermans, 2011), pengetua adalah orang yang bertanggungjawab dan menjadi orang pertama yang berdepan dengan masyarakat luar dan dalam. Ini sememangnya mencabar kerana terpaksa menjadi titik tolak yang menghubungkan masyarakat dari luar dan dalam kerana mereka kadangkala mempunyai permintaan, pandangan, pendapat, jangkaan dan harapan yang berbeza.

Terdapat juga kajian yang mengatakan bahawa dengan meningkatkan sistem pendidikan mampu meningkatkan tahap ekonomi dalam negara. Banyak negara luar berusaha untuk meningkatkan sistem pendidikan mereka. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Abdul Razak pada tahun (2005) adalah berkaitan kepimpinan kolaborasi di sekolah teknik dan vokasional. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat kerjasama antara guru besar dengan guru dalam merancang program pembangunan kakitangan yang dilihat dari kesediaan untuk berkongsi pengalaman, menjalankan peranan dan berkongsi pendapat. Rahimah dan Ghavifekr (2014) mengukuhkan pandangan bahawa pengetua di sekolah Malaysia diharapkan dapat melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam tujuan dan mengembangkan misi dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan kurikulum dan pengajaran.

Selaras dengan perubahan zaman, pendidik juga harus memainkan lebih peranan dengan lebih inovatif, kreatif dan efektif dalam penyampaian serta sentiasa memikirkan pendekatan baharu untuk mengadaptasikan amalan mereka dengan kehendak pelajar dalam era revolusi maklumat (Nor Hadibah, 2020). Bryan (2010) dan Siregar (2011) mendefinisikan motivasi sebagai tenaga yang terkuat dalam diri individu dalam melaksanakan sesuatu dan mencapai sesuatu tujuan individu ataupun organisasi. Profesion perguruan merupakan suatu bidang yang mencakupi skop yang amat luas dan pentingnya untuk mengetahui dan memahami konsep profesion perguruan secara mendalam. (Nur Hidayah 2021).

7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui sejarah lisan bagi tujuan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan hasil daripada objektif kajian yang terbina. Kaedah ini melibatkan temubual yang dirakamkan antara penyelidik dengan tokoh yang ingin dikaji. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian di platform Google Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 16 Januari 2021 bermula pada jam 9.00 pagi. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan bagi menjawab persoalan kajian sekaligus mencapai objektif kajian ini dijalankan. Selain itu, data yang diperolehi daripada sumber internet dapat diperkukuh dan diperlengkapkan. Kaedah ini juga dijalankan secara formal kerana dirancang dengan teliti dan dilaksanakan mengikut senarai soalan yang perlu dijawab oleh tokoh yang dikaji.

Tokoh yang dipilih ialah insan yang banyak menyumbang jasa di dalam bidang pendidikan iaitu Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat yang merupakan bekas pengetua sekolah, ketua sektor

di Jabatan Pelajaran Negeri Pahang (JPP) dan pengurusan peringkat kementerian selama 32 tahun. Beliau juga telah dianugerahkan Tokoh Kepimpinan Pendidikan Guru peringkat Daerah Lipis.

Selain itu, kajian ini juga melibatkan kaedah rujukan di internet dan media sosial untuk memperoleh maklumat di mana melibatkan penggunaan kemudahan internet dengan melayari laman sesawang tokoh yang dikaji dan memuat turun maklumat yang diperolehi. Kaedah ini menggunakan artikel dari pangkalan data dalam talian seperti *Science Direct*, *Emerald Insight*, dan banyak lagi pangkalan data. Data dan maklumat mengenai tokoh yang ingin dikaji dikumpulkan dari kajian lalu dari artikel yang telah dipilih dari pangkalan data dalam talian. Dalam kajian ini, beberapa artikel dari 2010 hingga 2020 telah dipilih untuk membantu menyelesaikan kajian ini.

8. HASIL KAJIAN

8.1 Latar belakang tokoh



Gambar 1: Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat

Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat berasal dari Kuala Lipis, Pahang dan dibesarkan di kampung halamannya di Kampung Kemahang, Kuala Lipis. Beliau dilahirkan pada 19 November 1951 dan mendirikan rumah tangga dengan Puan Hakma binti Mohammad ketika berusia 27 tahun dan dikurniakan lapan orang cahaya mata. Empat daripada lapan orang anak beliau juga merupakan seorang pendidik. Beliau merupakan anak keempat daripada sebelas orang adik beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampung Kemahang, Kuala Lipis Pahang dan seterusnya menyambung ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Clifford, Kuala Lipis. Beliau kemudian menyambung pengajian ke tingkatan enam di Alam Shah, Cheras berbekalkan keputusan yang agak cemerlang ketika diperingkat sekolah menengah. Beliau menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia sebelum mengambil Diploma Pendidikan dan ditawarkan jawatan guru sebaik tamat belajar.

Selepas tamat pengajian pada tahun 1976, Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat telah ditawarkan untuk menjadi seorang guru di sebuah pekan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Disebabkan oleh program yang diikuti beliau semasa belajar ialah program pendidikan untuk menjadi seorang pendidik menyebabkan beliau tidak teragak untuk menerima tawaran tersebut. Pada bulan Mei tahun 1976, beliau buat pertama kali bertugas sebagai seorang guru di sebuah sekolah kampung yang tidak mempunyai kemudahan elektrik dan air pada ketika itu.

8.2 Sumbangan tokoh

Selain berkhidmat sebagai seorang pendidik, Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat turut berkhidmat dalam bidang perkhidmatan di kementerian. Pada tahun 1976 hingga 1978 beliau berkhidmat di sekolah sebagai seorang guru serta sebagai seorang pengetua sekolah. Pada tahun 2000

hingga tahun 2003, beliau berkhidmat di Jabatan Pendidikan Pahang sebagai pegawai Pendidikan Daerah dan juga sebagai pegawai di jabatan. Beliau kemudian berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah di Institut Aminuddin Baki di Genting Highland pada tahun 2004. Pada tahun 2005 pula beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pendidikan Guru di mana beliau mengetuai bahagian Pendidikan Guru.

Selama dua tahun berkhidmat di Bahagian Pendidikan Guru, beliau sentiasa memastikan maktab perguruan yang berada di bawah pendidikan guru itu menjalankan peranan masing-masing untuk melahirkan guru yang terlatih dan berkemahiran. Selain itu, selama tiga tahun di Raub sebagai Pegawai Pendidikan Daerah, Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaiknya. Beliau bersama rakan sekerja sentiasa merancang, memantau dan memastikan sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Pahang menjalankan aktiviti pendidikan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh KPM. Beliau menjalankan tugas lebih kepada mengurus, mentadbir dan memantau guru-guru menyediakan unjuran untuk sekolah serta memastikan guru tersebut menjalankan tugas yang dikehendaki oleh kementerian.

Sumbangan beliau di Jabatan Pendidikan Negeri adalah menyelesaikan isu-isu yang terdapat di sekolah sahaja. Sebagai ketua sektor beliau sentiasa memastikan masalah yang timbul dapat diselesaikan segera. Sebagai contoh masalah kekurangan guru, beliau menyelesaikan masalah tersebut dari semasa ke semasa. Beliau turut merancang program-program tertentu terutama dari segi meningkatkan kurikulum atau kejayaan di sekolah-sekolah Pahang dalam aspek kurikulum dan juga kokurikulum. Walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran sepanjang perkhidmatannya, Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat tetap menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan dedikasi.

Sekolah merupakan institusi yang kecil dan mempunyai kelompok masyarakat yang tersendiri secara umumnya terdiri daripada murid, guru dan juga ibubapa. Jadi sumbangan Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat sebagai seorang pengetua secara tidak langsung bertanggungjawab untuk memastikan komuniti dalam sekolah itu, guru, kakitangan dan juga ibubapa dapat bekerjasama bagi memastikan program yang ditetapkan oleh Jabatan berjalan dengan baik. Beliau turut memastikan dasar-dasar yang ditetapkan oleh kementerian dan juga jabatan dijalankan dengan sempurna. Semua program yang diturunkan oleh kementerian diterima dengan baik dan beliau memastikan guru-guru dan kakitangan di sekolah menjalankan tugas mereka dengan baik. Selain itu pelajar juga dapat belajar dengan sempurna. Cabaran menjadi seorang pengetua adalah sangat besar. Beliau berpegang kepada prinsip sekolah merupakan tanggungjawab pengetua sepenuhnya dimana jika gagal seorang pengetua itu maka gagalah sekolah tersebut. Oleh itu, beliau lebih suka bekerja sebagai seorang pengetua kerana apa yang dirancang dapat dilihat sendiri, jadi setiap perkara tersebut dapat dinilai, dipantau dan boleh ditambah baik untuk kebaikan masa hadapan.

8.3 Anugerah dan pencapaian tokoh

Tugas sebagai pengetua sangat banyak. Pertama, pengurusan sekolah itu sendiri iaitu dalam memastikan guru menjalankan tugas dengan baik. Beliau turut mengamalkan prinsip guru mengajar dan murid belajar. Cara meningkatkan pencapaian murid adalah dengan memberi tumpuan kepada penglibatan pelajar dalam bilik darjah serta sentiasa menggalakkan guru merancang dan mencari strategi untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Beliau sebagai pengetua sentiasa memberi fokus dan memastikan guru mengajar dan murid belajar. Penglibatan serta sumbangan beliau dalam bidang pendidikan ini telah dibuktikan melalui penganugerahan terhadap beliau iaitu sebagai Tokoh Kepimpinan Guru. Pada tahun 2012 dan tahun 2016, beliau telah dinobatkan sebagai Tokoh Guru. Berkat usaha gigih beliau serta tugas dan tanggungjawab yang penuh amanah membolehkan beliau menerima gelaran tokoh guru tersebut. Beliau tetap menjadi rujukan masyarakat setelah bersara dalam bidang pendidikan. Sikap beliau yang peramah dan tidak lokek dapat meyebar ilmu pengetahuan

menyebabkan masyarakat setempat lebih suka berkongsi masalah serta bertanya pendapat daripada beliau untuk menyelesaikan masalah.

Beliau tidak mengharapkan gelaran tokoh tersebut. Sumbangan yang telah disumbangkan oleh beliau sepanjang bergelar pendidik dinilai dan oleh itu beliau dianugerahkan gelaran tokoh guru tersebut. Selepas dinobatkan sebagai tokoh guru, beliau secara tidak langsung memegang satu amanah dimana masyarakat menjadikan beliau sebagai contoh dan sumber rujukan. Beliau malah mengatakan bahawa semua ini bukan satu tekanan malah senang untuk berkongsi pengalaman dan nasihat kepada orang lain. Sepanjang khidmat beliau dalam bidang pendidikan, beliau sentiasa menekankan tiga perkara dalam diri beliau untuk menjadi seorang pendidik yang berkualiti. Pertama beliau menekankan ilmu. Ilmu perlu dipelajari. Untuk menambah ilmu pengetahuan semestinya melalui pembacaan dan latihan. Beliau sentiasa menguasai sesuatu ilmu dan mempraktikkannya di sekolah. Kedua ialah kemahiran. Kursus kepimpinan atau kursus kemahiran sangat penting untuk seorang guru. Beliau sentiasa mempelajari kemahiran-kemahiran baharu malah menjadi pengganti untuk menghadiri kursus kemahiran sekiranya tiada guru yang menghadirinya. Ketiga ialah akhlak. Beliau sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dan berakhlak baik. Seorang pendidik yang berkualiti perlu mengamalkan nilai murni dan menunjukkan akhlak yang baik untuk dicontohi oleh para pelajar.

Minat yang mendalam dalam bidang pendidikan menyebabkan Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat memilih bidang tersebut sebagai satu pekerjaan tetap baginya. Beliau bercita-cita untuk menjadi seorang pendidik sejak dari kecil lagi sehingga mampu bergelar seorang pendidik selepas tamat pengajian. Sifat sebagai seorang pendidik yang ada dalam diri beliau menyebabkan beliau tidak merasa penat dengan pekerjaan yang beliau pilih malah menumpukan sepenuh perhatian dalam menjalankan tugas untuk menjadi seorang pendidik yang berkualiti. Beliau berasa bangga dapat berkhidmat sebagai seorang pendidik selama dua puluh tahun lamanya. Selepas pencen, beliau masih lagi meneruskan minat beliau sebagai pendidik mengajar dengan menjadi seorang guru mengajar masyarakat di kawasan setempat dalam mempelajari Al-Quran.

8. KESIMPULAN

Kesimpulannya, sumbangan dan penglibatan Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat memberi inspirasi kepada pendidik yang kini masih meneruskan khidmat dalam melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan dan berakhlak mulia. Untuk menjadi seorang pendidik perlukan minat yang mendalam. Minat bermaksud mesti menguasai, mengetahui apakah peranan seorang guru, ciri-ciri seorang guru serta tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Selain itu, sentiasa meningkatkan tiga perkara iaitu ilmu yang diajar, kemahiran serta akhlak. Seorang pendidik perlu mempunyai pelbagai kemahiran. Sebagai contoh, mempunyai kemahiran mengajar, kemahiran menyoal, kemahiran mendengar dan kemahiran komunikasi. Tingkah laku seorang pendidik pula perlulah sentiasa berpandukan agama. Semoga dengan perkongsian perjalanan hidup Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat sepanjang penglibatan beliau dalam bidang pendidikan ini mampu memberi inspirasi dan motivasi kepada generasi masa kini dan akan datang supaya mereka dapat menjadikan Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat ini sebagai contoh untuk menjadi seorang pendidik yang berjaya dan berkualiti. Diharap kajian ini dapat dijadikan bacaan dan rujukan pada masa akan datang.

Rujukan

- A.D.M.I.N. (2016, June 2). PIBG bantu kemajuan sekolah. Sinar Di Sekolah - GPS Bestari. <https://www.gpsbestari.com/tip/sinar-di-sekolah/pibg-bantu-kemajuan-sekolah-1.527959>
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1996. Pengantar Ilmu Sejarah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak, A.Z. (2005), "Kepimpinan berasaskan permuafakatan ke arah peningkatan budaya mengkaji di kalangan guru (Leadership based on understanding to improve the learning culture among teachers)", *Leaders: Institute of Principal Studies Journal*, Vol. 5, pp. 53-62.
- Ahmad Abd. Kadir. 1987. Sejarah lisan satu kaedah penyelidikan sejarah. *Bulletin*, 16:17-19.
- Barr, J. and Saltmarsh, S. (2014), "It all comes down to the leadership: the role of the school principal in fostering parent-school engagement", *Educational Management Administration & Leadership*, Vol. 42 No. 4, pp. 491-505.
- Bryan, C. (2010). *Successful Teaching*. 7th Edition. Jordan Hill: Heinmann Publishers
- Kelchtermans, G., Piot, L. and Ballet, K. (2011), "The lucid loneliness of the gatekeeper: exploring the emotional dimension in principals' work lives", *Oxford Review of Education*, Vol. 37 No. 1, pp. 93-108.
- Munawir, Zuha. P. S. & Nur Rohmatun, N. (2022). Tugas, fungsi dan peran guru profesional. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*, 7(1).
- Mohd Aizat, & Kamarudin Musa. (2020). Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, 9(2). Retrived from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/view/3536>
- Nordin, A. H. (2016, May 29). Wan Mustama, Zabedah Tokoh Guru Pahang 2016. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2645/2016/05/158802/wan-mustama-zabedah-tokoh-guru-pahang-2016>
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman & Anida Sarudin. (2020). Pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (1), 1-13.
- Nor Hidayah, H., Norfaizah, A. J., Abdul Rasid. J & Marini, N. (2021). Persepsi bakal guru terhadap kerjaya, peranan dan beban tugas profesion perguruan masa kini. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 11(2), 26-38.
- Rahimah, H.A. and Ghavifekr, S. (2014), "School leadership for the 21st century: a conceptual overview", *Malaysia Online Journal of Educational Management*, Vol. 2 No. 1, pp. 48-61.
- Siregar, E. (2011). Pengaruh motivasi kerja, kinerja individual dan sistem kompensasi finansial terhadap kepuasan kerja guru SMPK BPK PENABUR Bintaro Jaya Jakarta. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 16, 81-93.
- Starr, L. 1984. Oral history. In: D. K. B. Dunaway and K. Willa (Ed.). *Oral History: An Interdisciplinary Anthology*. London: Altamira Press.
- University of Southern Queensland 2020. (2020, October 30). How do I use Zoom?: Ask USQ Current Students. USQ. https://usqassist.custhelp.com/app/answers/detail/a_id/5040/%7E/how-do-i-use-zoom%3F#:~:text=Zoom%20is%20a%20cloud%20based,sharing%20and%20video%20conferencing%20capability.&text=Zoom%20offers%20video%2C%20audio%20and,range%20of%20devices%20and%20platforms
- Wikipedia contributors. (2020, November 20). Google Meet. Wikipedia. https://en.wikipedia.org/wiki/Google_Meet
- Zakaria, N.A. and Abdul Kadir, S. (2013), "Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan Postgraduate Education Seminar", *Greduc*, 18 December, pp. 83-87.
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan*. (Pnyt.) Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.